

20/11/2001

Riau kurangkan birokrasi pikat pelabur

Daud Awang

PELABUR Malaysia terutama dari Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dipelawa melabur di Kepulauan Riau (Kepri), Indonesia, berikutan dasar baru yang diperkenalkan wilayah itu.

Melalui dasar baru - kuasa autonomi wilayah - yang diperkenalkan kerajaan Indonesia sejak 1 Januari lalu, pelabur kini boleh melabur terus tanpa sekatan kerendah birokrasi.

Pelabur kini berpeluang mengadakan perbincangan terus dengan gabenor wilayah (Bupati) atau Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) bagi membincangkan pelaburan masing-masing.

Ketua DPRD Kepulauan Riau, Andi Anhar Chalid, berkata pihaknya benar-benar mengharapkan bantuan pelabur Malaysia bagi membangunkan kepulauan itu yang kaya dengan pelbagai sumber hasil bumi.

Beliau berkata, sebelum ini banyak perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani melalui kerjasama Segitiga Singapura-Johor-Riau (Sijori) tetapi ia hanya tinggal di atas kertas.

"Hakikatnya selepas perjanjian itu, tidak ada tindakan susulan dilakukan oleh mana-mana pihak. Jika ada pun, ia boleh dihitung dengan jari.

"Keadaan seperti ini perlu dihentikan dan kami mahukan pelabur terutama dari Malaysia mencari peluang pelaburan secara langsung. Kami sedia memberi kerjasama sepenuhnya bagi merealisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada rombongan wartawan Malaysia di pejabatnya, Balai Madah Kencana, Jalan Basuki Rahmat, Tanjung Pinang, Bintan, Indonesia, baru-baru ini.

Lawatan wartawan Malaysia itu adalah atas jemputan DPRD Kabupaten Kepulauan Riau dan Gabenor Kepulauan Riau (Bupati), Huzrin Hood. Ia dianjurkan dengan kerjasama Forum Jurnalis Bintan (FJB).

Andi berkata, kewujudan Sijori tidak membantu Kepulauan Riau sebaliknya banyak memberi manfaat kepada pelabur dari Singapura.

Beliau berkata, sudah sampai masanya keadaan itu diperbetulkan kerana Malaysia-Indonesia mempunyai hubungan yang cukup erat dari segi faktor sejarah dan perdagangan sejak abad ke-14.

Menurutnya, Malaysia mempunyai Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah, Johor, yang sepatutnya dimanfaatkan dengan menyediakan perdagangan secara langsung dengan Kepulauan Riau tanpa melalui Singapura.

"Selama ini banyak barangan terutama makanan dalam tin dari Malaysia terpaksa melalui pelabuhan Singapura baru sampai ke Kepulauan Riau.

Begitu juga, hasil dari Kepulauan Riau termasuk bahan makanan, terpaksa melalui Singapura baru sampai ke Malaysia.

"Keadaan ini perlu diubah kerana kita boleh mengadakan kerjasama dan persepakatan untuk mengadakan urusan niaga secara terus tanpa melalui pihak ketiga," katanya.

Beliau berkata, selain pelaburan, Kepulauan Riau amat memerlukan cendekiawan, ahli ekonomi, pakar teknologi maklumat dan pakar pertanian untuk membantu membangunkan kepulauan itu.

"Kami akui Malaysia cukup maju di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kami berhasrat mencontohnya walaupun ia memakan masa.

"Oleh itu, bantuan pakar tertentu dari Malaysia amat diperlukan bagi membangun dan memajukan Kepulauan Riau," katanya.

(END)